

7 FEBRUARI 2010

# Dua beg dadah

Tiga warga Iran dicekup di KLIA

>>Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**

iskandar@hmetro.com.my

**S**EREMBAN: Cubaan nekad tiga warga Iran, termasuk dua wanita, yang baru pertama kali memasuki negara ini untuk menyeludup puluhan kilogram (kg) dadah mengundang padah apabila dicekup Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dekat sini, kelmarin.

Menkejutkan apabila hasil pemeriksaan di dalam dua beg bagasi dibawa suspek berusia 20 hingga 40-an itu menemui dadah jenis syabu seberat kira-kira 54.54 kg dianggarkan bernilai RM13.6 juta yang dianggap paling terbesar setakat ini.

Pengarah Siasatan KDRM, Datuk Zainul Abidin Taib, berkata hasil maklumat awam dan risikan pihaknya mengesan kelakuan mencurigakan suspek itu yang baru tiba dari penerbangan Dubai sebelum pegawai kastam Cawangan Narkotik menjalankan pemeriksaan terhadap beg mereka, kira-kira jam 10 malam.

"Pemeriksaan lanjut dalam beg pertama menjumpai beberapa bungkusan berisi ser-



**RAMPAS...** Zainul (tengah) menunjukkan dadah di dalam beg bagasi dirampas pihaknya, kelmarin.

buk kristal, dipercayai syabu seberat 27.39 kg, manakala beg kedua turut mengandungi dadah jenis sama seberat 27.15 kg, yang mana satu daripadanya turut berisi pakaian.

"Mengikut harga pasaran, dadah berkenaan dianggarkan bernilai kira-kira RM13.6 juta iaitu RM250,000 bagi satu kilogram dan siasatan mendapati semua suspek yang pertama kali datang ke Malaysia itu dijadualkan berada dalam negara selama 34 hari," katanya dalam sidang media di Pejabat Kastam Cawangan Narkotik di Kampung Jijan, di sini, semalam.

Menurut Zainul, ketiga-tiga warga Iran itu kini di-

membantu siasatan mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

"Kita (KDRM) kini menyoal sama ada mereka mempunyai saki baki pengikut, termasuk mengenal pasti tujuan sebenar penyeludupan dadah berkenaan iaitu untuk pasaran domestik atau dibekalkan ke luar negara," katanya.

Beliau berkata, penelitian pihaknya melalui empat kes membabitkan penahanan 10 suspek warga Iran dalam tempoh tiga tahun lalu mendapati mereka sering mengubah taktik bagi mengelirukan pihak berkuasa.

"Kegiatan seumpama ini dianggap petanda yang tidak

baik dan kita mahu menepis tanggapan bahawa lapangan terbang dijadikan sebagai pintu masuk utama penyeludupan dadah.

"Berikutan itu, selain mengarah pegawai mengetatkan kawalan, kita mengeluarkan surat atau notis hebahan di setiap pintu masuk di seluruh negara bagi memastikan aktiviti berkenaan dapat dibantulas," katanya.

Orang ramai yang ada maklumat berhubung kegiatan penyeludupan dadah diminta menghubungi talian bebas tol KDRM di 1-800-88-8855 atau talian terus ke Pejabat Narkotik Ibu Pejabat Kastam berdekatan di seluruh negeri.